

Ada banyak orang sudah jadi pelik melihat seorang Tuan kadi sama-sama isterinya keluar dari wayang gambar Rika's Singapura yang menunjukkan gambar Melayu "Di antara Senyum dengan Tangis" pukul 8.30 malam yang kerananya Tuan Kadi sudah melepaskan Maghrib. Tetapi kita fikir belum cukup besar kalau kita lihat kepada lain-lain orang. Apa dia?

-----*-----*-----

Rotary Club sudah adakan satu peraduan perempuan-perempuan cantik untuk merebut gelaran "Miss Rotary" banyak perempuan-perempuan ada ambil bahagian. Peraduan itu tentu berhajat kepada hakim. Kalau hakim terdiri daripada golongan mereka itu tidak mengapa tetapi yang menyedihkan khabarnya di antara orang-orang yang menjadi hakim itu termasuk Yang Di-Pertua Majlis Penasihat Kerajaan yang

menjadi juga yang Di-Pertua Jamiah Dakwah Islamiyah yang disebut juga "penganjur Islam" yang mewakili persidangan Muktamar Islam di Karachi telah menjadi

hakim bagi peraduan itu. Kita hanya angkat bahu atas perkara ini, dan mengucap *la haulawalakuwataillabilla*.

Beginikah gayanya siaran atau dakwah yang di jalankan olehnya dengan

tarafnya sebagai Yang Di-Pertua sebuah Persekutuan Islam?

Kita pulangkan kepada ahli-ahli persatuan itu sahaja iaitu

patutkah ia dilantik lagi jadi yang dipertua atau

tidak?!

-----*-----*-----

Zahirah binti Nur Muhammad Bilang M. A. Majid

bukan orang Melayu – betul – Tuan M. A.

Majid orang Benggali. Tetapi Zahirah binti Nur Muhammad

orang apa? Orang Melayukah?! T S T

Perkara Great Eastern Trade Fair di Geylang sudah ramai dibahas lagi satu puak membantah dan satu puak lagi menyokong. Yang membantah beralasan untuk keselamatan dan kesejahteraan penduduk-penduduk kampung sedang yang menyokong untuk memudahkan bersuka-suka dan harus juga ada apa-apanya dibelakang tabir kerana maklumlah tiga suku million wang telah ditanam di sana- tambah sedikit untuk upah penat tentu tidak mengapa – kalau tidak begitu mengapa berperli-peri yang menyokong. Siapa yang menyokong, orangnya dan keadaannya tak payah disebut lagi kerana kita masing-masing sudah kenal.

-----*-----*-----

Ada satu orang bilang Sultan Selangor mau naik haji itu satu perkara pelik yang termasuk daripada lingkungan yang pelik seperti budak berumur dua bulan baharu tumbuh gigi. Kita bilang perkara naik haji

itu bukan pelik sebab keinsafan telah ada dan patut disyukuri oleh kerana sepanjang-panjang masa yang lalu nampaknya Sultan-sultan lalu lalang sahaja di tempat itu terkadang-kadang

berpuluh-puluh kali tetapi tak singgah dan itulah sepatutnya dipandang pelik.

-----*-----*-----

Telah dikatakan bahawa ibu Zain ada bilang siapa tak masuk UMNO ia bukan Melayu. Seorang haji ahli UMNO di Pulau Pinang ada pula bilang UMNO itu berdasar Islam. Kalau dibandingkan dua perkara yang tersebut adalah yang pertama memaksa orang supaya mesti jadi ahli UMNO dan yang satu lagi untuk mengabui mata orang bahawa pergerakan UMNO seratus peratus bekerja kerana Islam sedang buktinya menjadi sebaliknya. Kata Syekh Said Ramadhan kalau separuh-separuh hati atas Islam lebih baik jangan mengaku Islam habis perkara – kita setuju – Cemeti Al-Farouk.



KOPI PAHIT